

BULETIN



JABATAN PERUMAHAN NEGARA

Bil. 1/2015

KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

"HARAPAN ANDA, ASPIRASI KAMI"



4

**MAJLIS
PELANCARAN
MYHOME FASA 1,
BUSI,
PERAK DARUL
RIDZUAN.**

7

**MAJLIS
PERJUMPAAN
KETUA
PENGARAH
BERSAMA WARGA
JABATAN**

9

**LAWATAN
DELEGASI KE
JABATAN
PERUMAHAN
NEGARA**

e.Crew

Penasihat:

YBhg. Datuk Mohamad Yusoff bin Ghazali
Ketua Pengarah

Ketua Editor:

Noor Rozana binti Ashari
Ketua Unit Korporat

Penolong Ketua Editor:

Muhammad Hanafi bin Jalalonuhali
Syed Mohd Zhubir bin Syid Zin
Nur Fariza binti Mohammad
Noor Syafiza binti Ahmad Sohaimi
Mohd Riza Khushairi b. Ibrahim

Sidang Pengarang:

Bahagian Perancangan dan Pembangunan
Projek PPR
Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik
(Unit *MyHome*)
Bahagian Khidmat Pengurusan
Unit Teknologi Maklumat
Unit Integriti

Penerbit:

Unit Korporat

perutusan Ketua EDITOR

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Syukur ke hadrat Illahi, atas limpah nikmat dan kurniaNya, JPN telah berjaya menyelusuri tahun 2014 dengan penuh jaya dengan azam dan harapan baru. Tahniah dan syabas buat seisi warga Sidang Redaksi kerana telah menunjukkan kesungguhan dan usaha dalam menyumbangkan idea dan informasi hingga berjaya menghasilkan buletin ini.

Adalah diharapkan buletin ini dapat menjadi wadah perkongsian maklumat mengenai program, aktiviti yang telah dilaksanakan dan kejayaan yang telah ditempa oleh Jabatan ini. Menyedari akan garis masa Malaysia yang kian hampir kearah tahun 2020, strategi yang mantap dan pelan tindakan yang efektif perlu dilaksanakan bagi mencapai visi dan misi Jabatan. Oleh yang demikian, Jabatan memerlukan penjawat awam yang berdaya saing dan inovatif serta kreatif untuk menjulang penyampaian perkhidmatan awam.

Noor Rozana binti Ashari
Ketua Editor
Buletin Jabatan Perumahan Negara

“HARAPAN ANDA, ASPIRASI KAMI”

PROJEK PERUMAHAN RAKYAT (PPR) MELANA INDAH

JOHOR BAHRU

Johor Bahru - YAB Dato' Sri Mohd Najib B. Tun Haji Abdul Razak telah menyempurnakan Majlis Pelancaran PPR Melana Indah pada 16 Mei 2015 (Sabtu). Bagi projek PPR Melana Indah, Johor sejumlah 1,170 unit rumah pangsa telah disiapkan dengan keluasan 700kps seunit dan dilengkapi dengan kemudahan 3 bilik tidur, 2 bilik air, ruang tamu dan dapur. Selain itu kemudahan seperti tadika, surau, dewan serbaguna dan padang bola turut dibangunkan di sekitar kawasan projek.

YB Datuk Abdul Rahman Dahlan, Menteri KPKT, YB Datuk Halimah binti Mohamed Sadique, Timbalan Menteri KPKT bersama-sama YAB Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, Menteri Besar Johor, YBhg. Datuk Yusoff bin Ghazali, KP JPN turut serta dalam majlis ini.



MAJLIS PELANCARAN MYHOME FASA 1, BANDAR UNIVERSITI SERI ISKANDAR, DAERAH PERAK TENGAH, PERAK DARUL RIDZUAN.

Bandar Universiti Seri Iskandar - YBrs. Puan Hajah Rohani binti Haji Omar, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), Jabatan Perumahan Negara, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah merasmikan Majlis Pelancaran Projek *MyHome* Seri Andaman Fasa 1, Bandar Universiti Seri Iskandar, Perak pada 8 Ogos 2015.

Projek Skim *MyHome* bagi Seri Andaman Fasa I telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pemilihan Projek Skim *MyHome* pada 19 Jun 2014. Kelulusan yang diberikan adalah sebanyak 186 unit rumah teres 1 tingkat dengan keluasan minima 850 kaki persegi kepada Pemaju Perumahan Agro-Mod Industries Sdn Bhd.



Portal eHome Baharu

Capaian bagi portal eHome dengan rekabentuk baharu telah dibuka pada 10 Ogos 2015. Rekabentuk terkini portal eHome yang lebih ringkas dan padat diharap akan memudahkan pengguna untuk membuat capaian maklumat berkaitan perumahan. Kandungan portal sentiasa dikemaskini dari masa ke semasa. Sila layari portal eHome di <http://ehome.kpkt.gov.my>



SISTEM BAHARU Sistem Bank Data Perumahan

Pembangunan Sistem Bank Data Perumahan akan menjadi gerbang utama data penawaran dan permintaan perumahan di Malaysia melalui pengintegrasian semua sistem perumahan. Maklumat-maklumat tersebut dapat diakses melalui portal, dashboard dan aplikasi mudah alih yang sedang dibangunkan. Pembangunan sistem bank data perumahan telah dimulakan pada Ogos 2015 dan dijangka akan selesai sepenuhnya dalam tempoh dua (2) tahun pada tahun 2017.



Sistem e-Tempahan

Sistem e-Tempahan dibangunkan untuk kemudahan pegawai dan kakitangan di Jabatan Perumahan Negara dalam melaksanakan tempahan Bilik Mesyuarat dan kemudahan lain di Jabatan. Bengkel pembangunan sistem e-Tempahan Siri ke II telah diadakan dengan jayanya pada 7 sehingga 9 September 2015 di Bilik Mesyuarat Aras 38, Jabatan Perumahan Negara. Sistem ini dibangunkan dengan menggunakan *Laravel Framework*.

TOP SECRET



JANGAN BOCORKAN DOKUMEN / MAKLUMAT KERAJAAN



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM

Dari SPRM :

KAEDAH MENYALURKAN MAKLUMAT RASUAH

- 1 DATANG KE PEJABAT SPRM TERDEKAT.**
- 2 SISTEM PENGURUSAN MAKLUMAT ATAU "COMPLAINT MANAGEMENT SYSTEM"**
- 3 MENULIS E-MEL KEPADA MAKLUMAT KEPADA : info@sprm.gov.my**
- 4 MENULIS SURAT KE ALAMAT PEJABAT IBU PEJABAT SPRM ATAU MANA-MANA PEJABAT SPRM**
- 5 MENGHANTAR FAKS KE TALIAN 03-8889 4329**
- 6 MELALUI TALIAN BEBAS TOL 1-800-88-6000**
- 7 HANTARKAN SMS KE TALIAN 019-6000696**

UNIT INTEGRITI

JABATAN PERUMAHAN NEGARA

KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

MAJLIS PERJUMPAAN KETUA PENGARAH BERSAMA WARGA JABATAN

Putrajaya - Majlis Perjumpaan Ketua Pengarah Bersama Warga Jabatan Perumahan Negara Bilangan 1 Tahun 2015 telah diadakan pada 12 Februari 2015 di Dewan Kristal, KPKT. Majlis yang dihadiri oleh semua warga Jabatan bersama-sama Pengurusan Tertinggi JPN turut diselitkan dengan Ucapan Amanat Tahun Baharu 2015 daripada YBhg. Datuk Mohamad Yusoff bin Ghazali, Ketua Pengarah Jabatan Perumahan Negara bertajuk *Kerajaan Berfikiran: Sentiasa Mapan Dan Relevan*.

Dalam ucapannya, beliau berharap agar warga Jabatan dapat membawa



perubahan bagi meleraikan isu utama perumahan awam terutamanya dari segi kemampuan pembekalan dan memenuhi permintaan (*supply and demand*) dan juga isu kemampuan (*affordability*) golongan berpendapatan rendah dan penjawat awam untuk memiliki rumah pada harga yang lebih realistik. Beliau turut memetik ucapan YB Menteri KPKT yang menyatakan "*the empire of the future is the empire of the mind*" dan turut mengajak warga JPN khasnya untuk merealisasikan misi melonjakkan KPKT untuk menjadi Kementerian yang terbaik di seluruh negara.



CAN YOU IMAGINE ?

If you ever find yourself visiting Cairo, Egypt, then you might be better off avoiding the Zebela Medina area. It's not to be avoided so much for the crime or the poverty, but for the smell.

Over the last 100 years, Zebela Medina has become the city's unofficial garbage dumping ground. However, that hasn't stopped the people there from creating one of the continent's most profitable recycling businesses.



They are known as "Zabbaleen," or "Trash People".

Can you imagine living in a city where trash is stacked on absolutely every available surface, from streets and rooftops to the floors and tables of homes? Medina Zabbaleen isn't so full of trash because the people don't



It's estimated that Zebela Medina collects about 4,500 tons of trash every day, and that nearly 85 percent of the trash collected is recycled. That's a better number than most western countries.

know what to do with it; rather, they're a highly efficient community of trash collectors and recyclers, taking unwanted refuse off the hands of wealthier people in Cairo and bringing it back to their own city where they sort it and recycle as much as 80 percent of it (including feeding all of the food scraps to their pigs, which then provide meat – smart!). The city was featured in the award-winning 2009 documentary, 'Garbage Dreams'.

What the people of Medina Zabbaleen are doing is the definition of making the best of a bad situation, and that is truly admirable. Plus the work they're doing is helping to save the planet, which is always a plus.

Sumber:

1. <http://knowledge.wharton.upenn.edu/article/waste-not-egypts-garbage-people-seek-formal-recognition/>
2. <http://www.viralnova.com/trash-city/>

LAWATAN KERJA KE JPN

*Delegasi
Republic of
Botswana,
7 September 2015*



*Directorate Of Housing Sharjah
United Arab Emirates (UAE),
22 April 2015*



CEUPACS, 10 Mac 2015

*Delegasi
Ghana Urban
Management
Pilot Projek
(GUMPP)
17 September 2015*





JABATAN PERUMAHAN NEGARA

Aras 30-38, No.51
Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 Putrajaya

Tel: 03-8000 8000
Faks: 03-8891 4409
Laman Web: <http://ehome.kpkt.gov.my>
E-mel: unitkorporatjpn@kpkt.gov.my
  Jabatan Perumahan Negara